ETIKA BARU PEKERJAAN

Musa: Pentadbiran awam dikaji semula

KUALA LUMPUR, Ahad — Semua aspek pentadbiran perkhidmatan awam akan dikaji semula bagi menyesuaikannya dengan hasrat pembangunan negara, sejajar dengan konsep Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah.

Kajian semula ini meliputi struktur organisasi dan keanggotaannya, demikian diumumkan oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini.

Menurut beliau, usaha juga sedang dijalankan untuk mengubal satu etika pekerjaan, yang boleh digunakan sebagai asas oleh para pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dalam melaksanakan tugas harian mereka.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Lumba Jalan kaki Tahunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) anjuran Kelab Sukan JPM di sini, Datuk Musa menegaskan:

"Keseluruhan proses ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memberi tekanan terhadap konsep pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah.

"Dalam menguruskan pentadbiran perkhidmatan awam, apa yang diperlukan oleh pucuk pimpinan Kerajaan ialah usaha 100 peratus dari para pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam."

Ini, jelas Datuk Musa, adalah penting memandangkan keadaan ekonomi negara diramalkan tidak "berapa menggalakkan" dalam tempoh dua atau tiga tahun akan datang.

Ini bermakna para pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam diharap dapat berkhidmat dengan sepenuhnya supaya gaji yang diterima adalah setimpal dengan tugas masing-masing, jelasnya.

Selanjutnya, Pemangku Perdana Menteri berkata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah pun melantik secara informal satu Kumpulan Petugas sembilan orang bagi menjalankan kajian semula itu.

Kumpulan Petugas itu, tambahnya, dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Ia dianggotai oleh mereka yang berpengalaman dan mahir dalam pengurusan pentadbiran awam serta berpendidikan tinggi.

"Kumpulan Petugas ini akan menyampaikan cadangannya kepada Perdana Menteri bagi tindakan selanjutnya.

Diwujudkan

"Salah satu daripada kekuatan Kerajaan ialah keupayaan kita menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Dalam hubungan ini, perkhidmatan awam adalah berperanan penting dalam usaha pembangunan negara," katanya.

Datuk Musa menambah Kerajaan memberi perhatian berat terhadap kajian semula ini sekalipun telah dijalankan usaha bagi menyesuaikan perkhidmatan awam dengan kehendak pembangunan nasional di masa lalu.

Mengenai etika pekerjaan itu, Pemangku Perdana Menteri menjelaskan ia penting diwujudkan sekalipun kini telah ada peraturan-peraturan Perintah Am.

"Ia penting diwujudkan kerana selama ini hanya terdapat peraturan seperti Perintah Am dan panduan perkhidmatan cemerlang sahaja," katanya.

Pemangku Perdana Menteri, bagaimanapun tidak menyebut tarikh bila kajian semula itu dijangka selesai dijalankan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia